

TARIKH	29 / 04 / 2016	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	178	RUANGAN	



**Johan
Abdullah
terajui
Tabung
Haji »8**

Johan Abdullah terajui Tabung Haji

KUALA LUMPUR 28 April - Tan Sri Ismee Ismail, 51, akan menyerahkan tugas sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) kepada Datuk Johan Abdullah, 59, berkuat kuasa 1 Julai ini.

Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, penyerahan tugas itu adalah selaras dengan Pelan Penggantian Tabung Haji yang dirancang sejak Januari tahun lalu.

Katanya, dengan pengumuman terbaharu itu, Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji bersetuju supaya Johan memangku tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bermula 16 Mei 2016.

"Kepemimpinan dan visi Ismee telah banyak menyumbang kepada kejayaan Tabung Haji sehingga memperoleh pengiktirafan dan penghormatan di peringkat antarabangsa.

"Kami berbangga dan berterima kasih dengan kepemimpinannya sepanjang tempoh melebihi 10 tahun ini, Tabung Haji berjaya melalui transformasi yang telah meningkatkan prestasi kewangan ke tahap yang membanggakan,"



JOHAN ABDULLAH

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan Ismee akan meninggalkan Tabung Haji berdasarkan berita daripada akhbar perniagaan yang memetik maklumat melalui sumber yang tidak didedahkan.

Beliau dikatakan akan menyertai Sime Darby sebagai orang nombor dua, tetapi tidak menyatakan jawatannya secara terperinci.

Khabar angin mengenai Ismee akan meninggalkan dana haji itu

telah timbul sejak tahun lalu apabila beliau dikatakan akan dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), bagi menggantikan Datuk Mohd. Emir Mavani Abdullah.

Johan menyertai Tabung Haji pada 15 Januari 2015 sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji. Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Berhad.

Beliau berkelulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Morehead State, Amerika Syarikat (AS) dan memperoleh Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Eastern Michigan, AS. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam sektor kewangan korporat, pasaran modal dan kewangan Islam.

Menurut Abdul Azeez, di bawah kepemimpinan Ismee, Tabung Haji berjaya mempelbagaikan portfolio pelaburan dan aliran pendapatannya.

"Buat kali pertama, pendapatan Tabung Haji mencecah lebih RM4 bilion manakala keuntungan selepas zakat dan cukai melebihi RM3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

"Dalam tempoh 10 tahun, sejak awal 2006 sehingga 2015, Tabung Haji mencatatkan keuntungan terkumpul melebihi RM18 bilion. Dalam tempoh yang sama, Tabung Haji juga menanggung subsidi operasi haji berjumlah RM815 juta dan memastikan pembayaran haji Muasassah sebanyak RM9,980 se-orang sejak 2009," katanya.